

# Pertandingan Pidato Bapa Kemerdekaan di UPM mulai hari ini

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Orang ramai dijemput menyaksikan kepetahan anak-anak muda meluahkan pandangan mereka dalam Pertandingan Pidato Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman yang akan berlangsung selama tiga hari bermula esok.

Pertandingan itu akan berlang-



sung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang.

Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (**gambar**) berkata, penyertaan terbuka kepada pelajar-pelajar institut pe-

ngajian tinggi awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti seluruh negara.

“Sebanyak lima finalis daripada setiap kategori dipilih untuk bertanding di peringkat akhir yang bakal berlangsung pada hari terakhir, bermula pukul 2 petang.

“Juara bagi setiap kategori akan membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai se-

banyak RM7,500,” katanya.

Naib juara pula, jelas beliau, akan menerima RM5,000 manakala ketiga RM3,000, tambah beliau.

Pertandingan itu ditaja oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) sejak 2008.

Penubuhan YTAR merupakan cetusan akhbar *Utusan Malaysia*. Pada tahun 1966, *Utusan Malaysia* telah mengusulkan untuk menubuhkan

Tabung Pendidikan Tunku Abdul Rahman sebagai memperingati jasa-jasa beliau dan mendapat sokongan kuat perdana menteri pertama itu.

Tujuan utama penubuhan yaysan itu adalah membantu pelajar-pelajar Melayu yang tidak berkemampuan bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi.